

Haramkan iklan jolok mata

Alternatif elak kemalangan maut, ganggu tumpuan pengguna: Nasrudin

SHAH ALAM – Dewan Pemuda Pas Pusat berharap kerajaan mengharamkan iklan menjolok mata yang dipercayai boleh mengganggu tumpuan pengguna jalan raya hingga mengundang risiko kemalangan maut.

Ketuanya, Nasrudin Hassan berkata, ia adalah antara lima elemen yang diyakini mengganggu konsentrasi pengguna lebuhraya selain keadaan jalan yang merbahaya seperti licin dan berlobang serta papan tanda kabur dan mengelirukan.

“Saya menggesa supaya kerajaan atau pihak berwajib mengambil satu langkah serius untuk memastikan gangguan seperti ini tidak berlaku.

“Kerana iklan sedemikian jelas mengganggu dan mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya sedangkan ia boleh dielak melalui pemantauan dan tindakan segera pihak berwajib,”katanya.

“ Saya menggesa supaya kerajaan atau pihak berwajib mengambil satu langkah serius untuk memastikan gangguan seperti ini tidak berlaku.”

■ Nasrudin



Dalam pada itu, Nasrudin juga mahu kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Khas bagi menyiasat dan menyelidik setiap kes kemalangan maut yang berlaku di ne-

gara ini.

Katanya, penubuhan suruhanjaya itu sebagai langkah pencegahan selain mengenal pasti punca berlakunya kemalangan sehingga

► info

Gangguan konsentrasi pemandu didakwa Nasrudin

- Iklan-iklan yang menjolok mata
- Tanda arah yang dirosakkan atau rosak yang mengelirukan
- Tanda isyarat jalan yang dirosakkan atau rosak tetapi dibiarkan
- Permukaan jalan merbahaya seperti licin, pumpling dan berlobang
- Pokok besar di bahu jalan

mengakibatkan kehilangan nyawa besar.

Menurutnya, suruhanjaya yang bakal dibentuk juga mestilah dianggotai oleh pakar daripada pelbagai bidang termasuklah pakar syariah.

“Selain dari pakar dari pelbagai bidang berkaitan, saya juga mengesyorkan agar pakar syariah menjadi salah seorang anggota Suruhanjaya Khas yang dibentuk bagi menangani peningkatan ketara indeks kemalangan jalan raya dalam negara kita .

“Saya mengemukakan syor ini kerana syariat Islam mempunyai pandangan yang sangat fundamental untuk mengatasi atau menangani isu ini,” katanya dipetik blognya episodeperjuangan.blogspot.com, semalam.

Sementara itu, beliau turut menyenaraikan beberapa punca berlakunya kemalangan jalan raya antaranya permukaan jalan tidak rata, papan tanda yang kabur dan sebagainya.

Berita ringkas

Peluang menang RM3,000

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri melancarkan Pertandingan Mencipta Logo Kraf Negeri Selangor terbuka kepada individu dan syarikat.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong berkata logo yang terpilih akan digunakan sebagai logo kempen, promosi, penerbitan, pengiklanan dan program-program yang berkaitan

Katanya, pemenang pertama pertandingan itu bakal membawa pulang hadiah tunai berjumlah RM3,000.

Pemenang kedua dan ketiga masing-masing akan menerima wang tunai berjumlah RM2,000 dan RM1,000.

“Dua hadiah sagu haŕti turut disediakan iaitu berjumlah RM500 bagi dua orang pemenang.

“Tarikh tutup penyertaan sebelum atau pada 22 November, 2010,” katanya.

Butiran dan syarat-syarat pertandingan boleh didapati menerusi laman web Kerajaan Negeri Selangor di www.selangor.gov.my dan laman web Tourism Selangor di www.tourismselangor.org